

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan sehingga kini masih lagi gagal untuk membuat pembayaran dividen interim kepada peserta FELCRA sehingga menjelaskan kehidupan mereka ditambah pula dengan ketidakstabilan harga komoditi sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan lebihan keuntungan (juga disebut sebagai dividen dalam konteks FELCRA) adalah dilaksanakan kepada projek-projek yang berhasil dan mempunyai lebihan keuntungan. Lebihan keuntungan ini merupakan lebihan pendapatan bersih yang diperolehi oleh sesebuah projek (ladang) setelah pendapatan kasar projek ditolak kos operasi. Kaedah pengagihan lebihan keuntungan kepada peserta adalah berdasarkan saiz pemilikan lot tanah masing-masing di dalam projek (ladang) berkenaan.
  
2. FELCRA Berhad mengamalkan kaedah pembayaran agihan lebihan keuntungan sebanyak 3 kali setahun. Bayaran keuntungan Interim 1 adalah berdasarkan prestasi akaun ladang dari bulan Januari hingga April (yang diambil 70% daripada jumlah keuntungan itu) yang lazimnya dibayar pada bulan Jun. Bayaran Interim 2 juga diambil 70% daripada keuntungan daripada Januari sehingga September yang kebiasaannya dibayar pada bulan Disember. Manakala bayaran akhir iaitu selepas penutupan akaun, lazimnya dibayar pada bulan April

tahun berikutnya. Bagi bayaran akhir ini, apa jua jumlah lebihan keuntungan yang tercatat setelah ditolak kos operasi dan bayaran agihan Interim 1 dan 2 bagi tahun berkenaan akan dibayar sepenuhnya kepada peserta.

3. Bagi tahun 2018, FELCRA Berhad telah membuat pembayaran agihan keuntungan sebanyak RM112.53 juta kepada 37,866 orang peserta dari 404 buah ladang yang telah berhasil di seluruh negara. Manakala bagi tahun 2019, FELCRA Berhad telah membuat pembayaran keuntungan Interim 1 sebanyak RM27.92 juta kepada 46,922 orang peserta dari 513 buah ladang di seluruh negara pada 15 Mei 2019. Ini adalah selari dengan amalan FELCRA mengagih lebihan keuntungan Interim 1 pada bulan Jun.
4. Oleh yang demikian, sehingga kini, FELCRA telah menunaikan tanggungjawabnya mengagihkan lebihan keuntungan kepada pesertanya pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
01 Julai 2019